

Penguatkuasaan, kempen jalan raya elak bermusim

WALAU PUN sistem pengangkutan darat di Malaysia dikatakan antara terbaik di Asia Tenggara, kemudahan dan keselesaan jalan raya belum berupaya mengurangkan mangsa nahas yang makin meningkat.

Jika dibandingkan dengan sistem jalan raya di Indonesia, jalan raya kita memang lebih baik. Namun, negara itu tidak pula menunjukkan kejadian kemalangan yang banyak.

Mungkin ada sesuatu yang perlu kita pelajari daripada sistem jalan raya di negara itu.

Nahas buruk membabitkan 20 penumpang maut di Kilometer 229.1 Lebuhraya Utara-Selatan ini bukan hanya menarik minat menteri terbabit tetapi juga Perdana Menteri.

Dengan nada kesal, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi beberapa cadangan yang boleh memperbaiki kekurangan sistem pengangkutan awam di negara ini.

Antaranya, menghadkan jam perjalanan bas (sebenarnya perlu juga diaplikasikan terhadap semua jenis kenderaan berat) dan mewajibkan dua pemandu bagi bas ekspres jarak jauh.

Soal kesihatan pemandu juga turut disentuh, biarlah pemandu bas 'sesihat pengemudi kapal terbang.' Mereka juga perlu diberi latihan secukupnya sebelum dibolehkan memandu, yang ibarat membawa lebih 40 nyawa dalam satu masa.

Nasihat Perdana Menteri ini mendapat perhatian banyak pihak sehingga pelbagai cadangan dikemukakan untuk memulihkan keadaan itu.

Walaupun ada yang mengatakan kita seolah-olah sudah terlambat, sudah terhantuk baru terngadiah, masih ada yang mengutarakan pelbagai pendapat dan yakin dapat mengubah kecenderungan yang menyedihkan ini.

Cadangan itu termasuk memastikan semua penumpang bas ekspres memakai tali pinggang, memasang kamera di lebuhraya utama untuk tujuan pemantauan cara memandu dan gesaan menguatkuasakan undang-undang sedia ada.

Sudah banyak cadangan dan pertimbangan diberikan terhadap kes yang meragut nyawa akibat kecuai. Namun, sejauh mana kita mampu mengekangannya?

Anak menjadi yatim piatu, isteri menjadi balu dan datuk kehilangan cucu tersayang mungkin tidak begitu menyedihkan kita jika bukan kita

sendiri terkena.

Nampaknya, makin hari, kita makin lupa bahawa selagi tidak ada jalan keluar daripada masalah ini, setiap anggota keluarga yang kita sayangi mempunyai risiko besar untuk turut menjadi mangsa keadaan.

Sering berlaku tuding-menuding apabila ada isu besar antara pihak yang sepatutnya mengambil langkah pemeliharaan dari awal. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dilaporkan semalam saling tidak mengaku silap, seolah-olah mahu 'lepas tangan' berkaitan isu pemandu bas yang mempunyai banyak rekod kesalahan trafik yang masih bebas memandu kenderaan awam.

Sekarang bukan masa untuk bertindak keanak-anakan tetapi masa 'terdesak' untuk badan ini mengenal pasti kekurangan terhadap sistem yang ada dan membangunkan satu sistem pencegahan kemalangan bagi kenderaan berat yang jauh lebih berkesan dengan mengambil kira pelbagai latar dalam masyarakat Malaysia, termasuk aspek undang-undang, latar psikologi masyarakat, keteguhan menjunjung etika dan budaya kehidupan seharian.

Sudah terlalu banyak kempen jalan raya dibuat, malah kempen yang dikaitkan kekukuhan psikologi manusia juga pernah digunakan untuk cuba mencuri perasaan pengguna jalan raya.

Perasaan meruntun apabila melihat deretan mayat dikafan di jalan raya. Perasaan juga tersentuh apabila diingatkan supaya 'ingatlah orang tersayang' sebelum melewati jalan raya.

Penguatkuasaan undang-undang memang perlu tetapi semua kita maklum, disiplin individu juga inti pati ke arah masyarakat sifar kemalangan.

Mungkin agak keterlaluan untuk mencapai tahap sifar kemalangan tetapi tidak mustahil jika satu matlamat jangka panjang diletakkan mulai hari ini untuk membentuk warga Malaysia bebas kemalangan.

SITI SURIANI OTHMAN,

Pensyarah

*Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia (Usim).*